

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

YBhg. Prof./Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**COVID-19: PELANJUTAN TEMPOH PENYERAHAN KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR PRASISWAZAH SEMESTER II SESI AKADEMIK 2019-2020**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil.13/2020: Covid-19: Pindaan Tarikh Sesi Akademik 2019-2020 bertarikh 27 Mac 2020 serta Pekeliling Akademik Bil.7/2020: Penyediaan Kertas Soalan Untuk Peperiksaan Akhir Semester II Sesi Akademik 2019-2020 bertarikh 19 Februari 2020 adalah berkaitan.

Adalah dimaklumkan bahawa pihak pengurusan tertinggi universiti telah bersetuju untuk meminda tarikh Peperiksaan Akhir Semester II Sesi Akademik 2019-2020 kepada 29 Jun sehingga 17 Julai 2020. Selaras dengan itu, Pusat Pengurusan Akademik akan **melanjutkan tempoh penyerahan kertas soalan Peperiksaan Akhir Semester II Sesi Akademik 2019-2020 sehingga 22 Mei 2020 (Jumaat).**

Sekian untuk makluman. Terima kasih.